

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 3, 2018 10:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Abdulrahman Pemimpin Pelajar Antarabangsa Terbaik Malaysia 2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

03 OKTOBER 2018 / 23 MUHARAM 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdulrahman Al-Duais

ABDULRAHMAN PEMIMPIN PELAJAR ANTARABANGSA TERBAIK MALAYSIA 2017



UUM ONLINE: Mahasiswa UUM yang berasal dari Yemen, Abdulrahman Ameen Derhem Mohammed Al-Duais, 25 melakar sejarah gemilang buat UUM apabila menerima anugerah Best International Students' Leader in Malaysia 2017 sempena Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017 di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) baru-baru ini.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap program-program berkualiti yang dianjurkan, keperibadian yang cemerlang dan kepimpinan unggul yang dilaksanakan oleh Abdulrahman

semasa tempoh jawatannya sebagai Presiden Persatuan Pelajar Antarabangsa (International Students' Society – ISS) UUM bagi tahun 2016 dan 2017.

Lebih menarik, penghormatan itu merupakan yang pertama diperoleh pelajar UUM.

Abdulrahman yang juga penerima biasiswa Yayasan al-Bukhary, merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan dan akan bergraduasi pada November ini.

Sebagai pengiktirafan kepada kecemerlangannya, beliau juga dipilih sebagai anggota tetap Beta Gamma Sigma (BGS) chapter UUM, persatuan penghormatan akademik yang memberikan pengiktirafan kepada pelajar cemerlang dalam bidang perniagaan di institusi yang diiktiraf oleh Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB) termasuk UUM.

"Syukur kepada Allah SWT yang menjadikan impian yang sukar dicapai ini satu kenyataan. Penghargaan juga diucapkan kepada pihak pengurusan UUM, jawatankuasa ISS, Pengetua dan jawatankuasa terdahulu Inapan Siswa (Inasis) Proton dan semua pelajar antarabangsa lain yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada semua aktiviti kami yang membawa kepada kejayaan besar ini," ujarnya.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.